



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْاَحوَالِ اِلَامِ اِسْلَامِ نِغَرِي سَابَاه

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

27 JAMADILAWAL 1446H / 29 NOVEMBER 2024M

“ISTERI DAN ANAK-ANAK, SATU AMANAH”

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Dengan kerjasama

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ
عَلَيْهَا مَلَكُوتُ غِلَاطٍ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦٦﴾

(التحریم: 6)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala yang diperintahkan dan menjauhi segala apa yang dilarang dan ditegah. Mudah-mudahan kita beroleh rahmat serta kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“ISTERI DAN ANAK-ANAK, SATU AMANAH”**.

KAUM MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Suami isteri, ibu bapa dan anak-anak merupakan komponen utama dalam pembentukan sebuah institusi kekeluargaan. Anak merupakan anugerah Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya yang Dia kehendaki. Sama ada anak lelaki atau perempuan, atau seseorang itu tidak dikurniakan anak, semuanya merupakan aturan Allah SWT Yang Maha Bijaksana.

Di dalam institusi kekeluargaan setiap ahli keluarga mempunyai tanggungjawab, amanah dan peranan masing-masing. Seorang bapa bertanggungjawab menyediakan tempat tinggal dan memberi nafkah kepada ahli keluarganya. Isteri berperanan mentaati suami serta membantu suami mendidik dan mengasuh anak-anak.

Nafkah adalah suatu perkara yang wajib ditunaikan oleh seorang bapa dan suami ke atas keluarganya. Namun jika seorang suami culas dan mengabaikan kewajipan, ini boleh menyebabkan terjadinya kesan yang buruk ke atas sesebuah keluarga itu seperti perceraian dan sebagainya. Menurut rekod perceraian daripada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah, sebanyak 4,640 kes perceraian telah direkodkan pada tahun 2023. Oleh itu, sama-samalah kita menjaga dan menjalankan amanah yang sebaiknya terhadap ahli keluarga kita, mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa diberkati dan dirahmati Allah SWT. Firman Allah dalam surah at-Tahrim ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ
عَلَيْهَا مَلَكَةٌ غِلَظُ شِدَادٍ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah

dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”.

HADIRIN YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Isu culas menunaikan nafkah ini sentiasa terjadi dan berlarutan dalam masyarakat. Dan kesannya pula terpaksa diharungi oleh kaum isteri dan anak-anak. Oleh yang demikian, kerajaan telah menubuhkan satu bahagian khas bertujuan untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah tuntutan nafkah yang dihadapi oleh para isteri dan anak-anak. Bahagian tersebut dikenali sebagai Bahagian Sokongan Keluarga Seksyen Negeri Sabah bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah, Jalan Teluk Likas. Antara fungsi Bahagian ini ialah :

Pertama: Memberi nasihat perundangan syariah kepada pihak-pihak yang terlibat secara khusus berkaitan tuntutan nafkah serta tatacara penguatkuasaan dan perlaksanaan penghakiman di Mahkamah Syariah.

Kedua: Memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada para isteri untuk memfailkan kes di Mahkamah Syariah bagi mengambil tindakan terhadap suami, bekas suami atau bapa yang mengabaikan tanggungjawab.

Ketiga: Menyediakan khidmat guaman bagi mewakili para isteri dalam apa-apa tuntutan yang berkaitan nafkah. Manakala *Bailif* bertindak melaksanakan perintah pelaksanaan penghakiman dan penguatkuasaan perintah mahkamah sama ada secara tangkapan, lelongan, sitaan, dan jualan aset.

Keempat: Menguruskan pendahuluan bantuan kewangan sementara, dalam bentuk bantuan nafkah kepada para ibu dan isteri yang menjadi mangsa kegagalan pembayaran nafkah oleh bekas suami atau bapa.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH

Sebelum mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menyeru kepada para suami dan bapa yang mempunyai perintah Mahkamah Syariah, laksanakanlah perintah nafkah tersebut kerana perintah mahkamah merupakan perintah Ulil Amri dan mentaati perintah Ulil Amri adalah satu kewajipan. Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ ...

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. ...”*

Sebagai kesimpulan di akhir khutbah, khatib ingin mengajak para jemaah untuk menghayati kembali isi khutbah yang telah disampaikan.

Pertama: Para suami atau bapa, tunaikan tanggungjawab anda sebagai ketua keluarga dengan sebaik mungkin. Kerana suatu hari nanti anda akan disoal tentang apa yang anda telah lakukan terhadap ahli keluarga anda. Janganlah abaikan dan lari dari melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Kedua: Para isteri atau ibu yang menghadapi masalah berkaitan nafkah anak dan nafkah isteri diminta berhubung dengan pihak Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah.

Ketiga: Tindakan undang-undang boleh dikenakan ke atas bekas suami yang gagal menunaikan tanggungjawab nafkah isteri dan anak-anak seperti pemenjaraan, sekatan perjalanan, sitaan dan lain-lain lagi.

Firman Allah SWT dalam surah at-Talaq, ayat 7:

لِيُنْفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ ۖ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا آتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ﴿٧﴾

Maksudnya: "Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ
عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى
فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَقْرَتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi
barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan
Rahmat-mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.